Aktiviti santai bersama-sama kanak-kanak.

Pelajar USIM yang menyertai program GISO ke Maldives.

USIM dekati masyarakat Islam Maldives

Oleh Zaini Othman
bhrsm@bharian.com.my

► Nilai

Peluang menimba pengalaman berharga bersama-sama masyarakat Islam di Maldives cukup mengujakan 16 ahli Kelab Pembimbing Rakan Universiti (PRU) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang berpeluang menyertai program di bawah inisiatif Global Islamic Student Outreach (GISO), universiti berkenaan.

Berkampung selama enam hari di dua kepulauan iaitu Pulau Villingili dan Pulau Hulhumale, peserta didedahkan dengan pelbagai aktiviti menarik bagi mendekati masyarakat pulau berkenaan yang majoriti penduduknya beragama Islam.

Negara unik

Pengarah program, Mohd Alfaiz Salleh, berkata Maldives dipilih berdasarkan keunikan negara itu sendiri termasuk dari aspek bahasa, makanan, budaya masyarakat dan pengamalan Islam dalam kalangan penduduk Islamnya.

Katanya, pelbagai aktiviti diadakan termasuk penyampaian sumbangan 20 unit Mylman Kids Tab kepada pusat bimbingan kanak-kanak Islam, Dhondhooni Little Learners selain gotong-royong bersama-sama penduduk kedua-dua pulau dengan membersihkan pantai dan masjid Kalhu Vakaru di Pulau Hulhumale.

"Peserta juga berpeluang berkongsi pengalaman dan interaksi silang budaya bersama pemimpin pelajar daripada Maldives National University dan College of Islamic Studies serta melawat bank Islam pertama di Maldives, Maldives Islamic Bank (MIB) yang diuruskan rakyat Malaysia, Harith Harun selaku Ketua Pegawai Eksekutif.

Peserta bermesra dengan kanak-kanak Maldives.

Sambutan meriah

"Kunjungan kami turut disambut meriah oleh Menteri Hal Ehwal Islam Maldives, Dr Mohd Shaheem Ali Saeed dalam satu pertemuan berlangsung di Pusat Islam Maldives. Beliau melahirkan rasa terharu menerima kunjungan kami selepas kejayaan lawatan kumpulan pertama pada Januari lalu," katanya.

Mohd Alfaiz berkata, penganjuran program secara tidak langsung membolehkan peserta menerima kepelbagaian pengetahuan dan keunikan yang ada di setiap negara.

Katanya, kesungguhan dan komitmen tinggi pelajar menganjurkan program sebegini seharusnya selari dengan harapan universiti untuk melahirkan pelajar yang berkepimpinan tinggi dan mampu membawa nama USIM di arus perdana dan antarabangsa.